

Bantuan segera

Peruntukan tambahan jika banjir bertambah buruk: TPM

>>Oleh Noor Jaafar
noorj@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata peruntukan tambahan dan bantuan segera akan dikeluarkan jika keadaan banjir yang melanda Johor bertambah buruk.

Beliau berkata, selain itu anggota tentera dan kelengkapan, termasuk bot, lori dan helikopter akan ditambah untuk memudahkan kerja menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir ke pusat pemindahan di negeri itu.

“Esok (hari ini) saya akan ke Johor untuk meninjau keadaan banjir di sana dan memastikan pelbagai keperluan, termasuk makanan, selimut dan keperluan lain mencukupi untuk mangsa banjir,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan wang zakat dan pelancaran Skim Pembiayaan Peribadi Pesara (Skim 3P), di Bilik Teratai Kementerian Pertahanan di sini, semalam.

Penyerahan zakat daripada Eoncap Islamic Bank, anak syarikat Kumpulan Eon Bank itu disampaikan kepada Yayasan Veteran ATM dan Tabung ATM, masing-masing sebanyak RM30,000 serta



FOTO | Muhaizan Yahya

SERAH...Najib menyampaikan cek zakat kepada seorang waris anggota tentera.

dua balu bekas tentera itu bernilai RM44,000.

Sebelum itu, Najib yang juga Menteri Pertahanan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Kementerian Pertahanan dengan Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) bagi meningkatkan taraf akademik anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) melanjutkan penga-

jian peringkat diploma dalam bidang pengurusan hotel dan seni kulinari.

Beliau selaku Pengerusi Jawatankuasa Bantuan Bencana Negara berkata, bantuan peralatan ke Johor juga akan dibawa dari Negeri Sembilan dan Selangor.

“Hari ini (semalam), Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Jalil ke

Johor untuk meninjau keadaan di kawasan yang dilanda banjir dan memastikan makanan dan keperluan untuk mangsa banjir mencukupi,” katanya.

Menurutnya, mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Bencana Negara yang diadakan pagi semalam, mengulangi ketetapan yang diputuskan sebelum ini iaitu supaya bekalan makanan dan keperluan di pusat pemindahan disalurkan segera kepada mangsa banjir di negeri itu.

“Bantuan juga akan diberi kepada mangsa banjir jika ada rumah dan peralatan elektrik mereka rosak akibat banjir, tetapi bantuan itu akan diberikan selepas banjir nanti,” katanya.

Menurutnya, semua kerajaan negeri juga diarah memantau dan bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlaku banjir di negeri masing-masing.

“Permulaannya negeri di Pantai Timur dijangka dilanda banjir, sebaliknya setakat ini Johor pula yang paling buruk,” katanya.

Beliau juga menasihatkan mangsa banjir bertenang dan mengikut arahan pihak pentadbir di peringkat daerah dan negeri supaya berpindah untuk mengelak daripada menjadi korban banjir.